

**PERUSAHAAN PERIKANAN DI BORNEO
UTARA DI BAWAH PENTADBIRAN JEPUN,
1942-1945
(FISHERIES INDUSTRY OF NORTH BORNEO UNDER THE
JAPANESE OCCUPATION, 1942-1945)**

¹Mohammad Raduan Mohd Ariff, ²Ismail Ali & ³Mohammad Sharir

^{1,3}Department of Southeast Asian Studies, Faculty of Arts and Social Sciences,
University of Malaya

²Universiti Malaysia Sabah

(mraduan@um.edu.my, ismailrc@ums.edu.my)

Abstract

The World War II saw a change in North Borneo's administrative style from a standard administration under the British North Borneo Chartered Company (1811-1941) to a militarised administration under the Japanese (1942-1945). This change occurred in early 1942. After conquering North Borneo, Japanese soldiers ruled the state, with a focus on military and security. This caused the previously developed capitalist economy of North Borneo to experience a decline. In addition, international trade could not be carried out due to bomb threats from the American army. This slump in the international economy had caused desperate locals to run self-sufficient economies, including fishery. This article will briefly discuss the Japanese Occupation in North Borneo alongside highlighting the difficulty and challenges of life during the Occupation. The atrocities of the Japanese soldiers, who oppressed local villages through slavery and conscription, caused many villagers to escape to the Highlands, islands and other secluded areas. This had a direct negative impact on the fishing industry. At this point, non-commercial fishery could not be carried out because of the absence of investors who had previously been a source for credit loans, the input of suppliers and marketers. The absence of the investors resulted in fishermen having to make technological changes in previously-used fishing methods. Fishing equipment was now built from materials obtained from the local forests around the villages and used materials. On the other hand, to cater for large hauls, Japanese soldiers introduced a fishing equipment called *Muro Ami* and also caught fish using hand bombs. However, trade at this point leaned towards self-survival.

Keywords: Japanese Occupation, Muro Ami, fishing technology, World War II, forced labour

Pendudukan Jepun (1942-1945)

Persaingan untuk mendapatkan bahan mentah dan perluasan tanah jajahan telah menyebabkan berlakunya peperangan pada tahun 1939, di kalangan negara-negara industri di Eropah. Dalam peperangan tersebut, Jerman memperlihatkan kejayaan demi kejayaan dan telah mendorong Jepun menandatangani perjanjian pakatan "Tripartite Axis Pact" dengan Jerman dan Itali pada bulan September 1940.¹ Pada penghujung tahun berikutnya Jepun mula terlibat secara langsung dalam kancah Peperangan Dunia Kedua.² Di bawah pimpinan Lieutenan Koyama tentera Jepun telah mendarat dan menawan Membakut dan Beufort pada 2hb. Januari 1942, dan pada 9hb. Januari telah menawan Jesselton. Sepuluh hari kemudian mereka berjaya menawan Sandakan. Pada bulan Januari itu juga Borneo Utara keseluruhannya jatuh ke tangan Jepun dan menjadi sebahagian daripada "Dai Nippon" (*the Greater Japan*) (Tregonning, 1965). Jepun hanya berjaya memerintah Borneo Utara selama lebih kurang tiga setengah tahun, kerana pada bulan Ogos 1945 kerajaan British berjaya merampas semula Borneo Utara dari tangan mereka.

Dengan menawan Borneo Utara, pemerintah Jepun berharap dapat menghidupkan, mengembang dan menguasai sektor perdagangan eksport yang melibatkan bahan-bahan mentah tempatan untuk pembangunan industri di negara mereka. Umpamanya, perusahaan getah cuba dibangunkan dengan harapan dapat di eksport ke Jepun. Namun demikian usaha untuk mendapatkan bahan mentah industri tersebut tidak menemui kejayaan kerana pemodal-pemodal dan buruh yang ada di Borneo Utara selama ini telah melarikan diri ke hutan pedalaman. Selain daripada itu tentera laut Amerika sentiasa meronda di perairan luar pantai dan tentera udaranya membantu memusnahkan kapal-kapal kargo Jepun, yang menyebabkan usaha perdagangan luar terbantut sama sekali (Leong, 1982). Keadaan yang demikian menyebabkan tumpuan keseluruhan ekonomi di masa perang ini lebih mementingkan kepada pengeluaran makanan. Ini disebabkan pada tempoh tersebut tiada modal, teknologi dan buruh untuk membangunkan sektor ekonomi perdagangan. Penduduk yang ada kembali semula kepada keluarga dan komuniti mereka untuk mengusahakan tanaman makanan dan aktiviti perikanan bagi tujuan menyara diri dan bukannya untuk tujuan pasaran.

Sebagai sebuah kuasa yang berjaya dalam penawanan wilayah baru, pemerintah Jepun lebih menitikberatkan soal pertahanan dan keselamatan. Hampir kesemua usaha yang dijalankan ketika memerintah Borneo Utara mengarah kepada persoalan tersebut. Umpamanya, untuk mentadbir dan mengawasi keselamatan wilayah Borneo Utara, pemerintah Jepun memerlukan

sistem perhubungan yang menyeluruh, sedangkan sistem perhubungan darat khususnya di Borneo Utara pada masa itu amat terhad. Untuk mengatasi masalah ini, pihak berkuasa Jepun telah memperbaiki sistem perhubungan sedia ada dan membina jalan-jalan baru dengan menggunakan tenaga tawanan perang di samping kerahan tenaga (Leong, 1982).

Pada tahun 1942, seramai 2,000 orang rakyat Australia dan 750 orang rakyat British yang menjadi tawanan perang dari Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu telah dibawa ke kem tahanan di Sandakan. Sumber tenaga ini, telah dikerah membina 'bridle paths' yang menghubungkan Sandakan ke Ranau, Jesselton ke Sandakan melalui Tamparuli, Dalas, Ranau dan Tempias: Pensiangan ke Tawau; dan Pensiangan ke Tarakan. Selain daripada itu, kerahan tenaga dan tawanan perang telah dikerahkan untuk membina lapang sasar (*airstrips*) di Jesselton, Pesiangan, Tawau, Sandakan, Ranau dan Keningau (Tregonning, 1965).

Pada zaman pemerintahan Jepun, pentadbiran Borneo Utara telah dibahagikan kepada dua. Kawasan pantai barat, pedalaman dan Kudat dikenali sebagai "Seikai Shiu" diperintah oleh "military government", sementara kawasan pantai timur dikenali sebagai "Tokai Shiu" diperintah oleh "naval government". Governor General beroperasi di Kuching, Sarawak dan dari sana memerintah keseluruhan Borneo (Sabah Secretariat File, No.1184).

Di peringkat kampung, Ketua Anak Negeri (*Native Chief*) dan Ketua Kampung (*Headmen*) menjalankan tugas-tugas pentadbiran seperti biasa, di samping itu ditugaskan menjalankan kerja-kerja kerahan tenaga dan pembangunan pertanian untuk makanan.

Part of the headmen's jobs now included recruiting labourers for road building and the construction of airstrips at Jesselton, Keningau, Kudat, Sandakan. They sat as magistrates. They also had the job of encouraging the villages to produce more food. For these, the headmen were paid small wages.

Not all the people stayed put. Many fled into the jungle as the Japanese advanced into different parts of the country, mainly to avoid being called for work and to supply food.

(Leong, 1982)

Untuk menghidupkan semula sektor ekonomi, pada tahun 1943 Kempetai Jepun telah merekrut kerahan tenaga secara besar-besaran. Tenaga

ini telah dikerah bekerja di kedai-kedai, kilang dan ladang-ladang pertanian di samping kerja-kerja pembinaan jalan dan lapang sasaran (Leong, 1982).

Kesempitan hidup di masa pemerintah Jepun amat dirasakan oleh penduduk Borneo Utara. Bekalan makanan, pakaian, perubatan dan lain-lain keperluan amat sedikit dan sukar didapati. Untuk mengatasi masalah makanan, pemerintah Jepun mengerahkan penduduk tempatan mengusahakan tanaman makanan seperti padi, ubi kayu dan sayur-sayuran. Ubi kayu telah mendapat tempat sebagai tanaman makanan penting kerana ia mudah tumbuh dan dapat dimakan dalam pelbagai cara. Dari masa ke semasa tentera Jepun mengarahkan penduduk tempatan menyerahkan sebahagian daripada hasil tanaman mereka (Leong, 1982). Pada masa itu tanaman perdagangan yang diusahakan semasa pentadbiran British North Borneo Chartered Company (BNBCC) 1881-1941, tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Di sini memperlihatkan peralihan tumpuan aktiviti pertanian daripada tanaman perdagangan kepada tanaman makanan.

Oleh sebab sektor perdagangan eksport Borneo Utara telah lumpuh, maka untuk membiayai pentadbiran dan pembangunan infrastruktur, pemerintah Jepun telah mengenakan cukai kepala kepada penduduk tempatan.

There was widespread conscription of women for prostitutions and regimentation of men and women for labour. The collection of foodstuffs and other commodities were severe, and a poll-tax of six dollars per head was levied, as well as other fines and penalties.
(Tregonning, 1965)

Selain daripada cukai, pemerintah Jepun telah mengadakan peraturan di mana setiap keluarga hanya dibenarkan menyimpang wang tunai tidak melebihi \$30.00. Wang tunai yang lebih daripada jumlah tersebut dikehendaki disimpan dalam bank-bank yang baru ditubuhkan (Leong, 1982).

Kedadaan hidup begini telah membimbangkan orang-orang Cina menyebabkan mereka meninggalkan kedai-kedai mereka, masuk ke kawasan hutan tanah tinggi dan menjalankan kegiatan tanaman makanan. Sementara itu orang-orang Murut masuk jauh lagi ke hutan pedalaman kerana senjata mereka yang selama ini digunakan dalam aktiviti perburuan binatang liar akan dirampas sekiranya bertemu dengan tentera Jepun. Sementara itu buruh-buruh pertanian yang berasal dari penempatan pinggir pantai pulang semula ke tempat asal mereka untuk menjalankan aktiviti perikanan bagi mendapatkan sumber makanan (Leong, 1982).

Perusahaan Perikanan Semasa Pentadbiran Jepun

Seperti sektor ekonomi yang lain sektor perikanan juga mengalami kelumpuhan akibat serangan tentera Jepun. Malah sektor perikanan yang pertama dan paling hebat sekali menerima kesan buruk peperangan. Ini disebabkan penaklukan Borneo Utara adalah hasil dari serangan yang dibuat dari laut oleh tentera laut Jepun. Semasa pentadbiran BNBC, secara amnya pertumbuhan bandar adalah berlaku di kawasan pinggir pantai seperti Sandakan, Jesselton, Kudat, Tawau, Semporna dan lain-lain. Bandar-bandar ini wujud sebagai bandar pelabuhan dan juga sebagai pusat-pusat penting aktiviti perikanan. Termusnahnya bandar-bandar ini akibat pengeboman tentera Jepun dengan sendirinya termusnah pusat-pusat perikanan utama di Borneo Utara. Pengeboman bandar-bandar utama menyebabkan pelabuhan, pusat pengumpul dan pusat pemasaran hasil perikanan turut termusnah. Selain daripada itu, perahu-perahu nelayan berserta peralatannya juga turut menjadi mangsa peperangan.

...supplies of food and clothing were small, fishing equipment, particularly cotton twine and hooks were virtually unobtainable, and the majority of the boats had been destroyed or were unseaworthy due to the shortage of ropes and sails.

Vessels were destroyed deliberately, or became worn out, of suffering the not different fate of fishing craft, were seriously damaged or wrecked while carrying out their usual tasks. Fishing lines and nets, particularly the imported types, became worn out and were irreplaceable. The lack of adequate payment for labour and the shortage of food to a large extent prevented even full-time fishermen from replacing even with native materials, the kelongs, bubus and other types of fish traps so commonly used. At the time of the liberation, the fishing industry was in a parlous condition, and imported fishing tackle and other equipment were in tragically short supply.

(Colony of North Borneo Fisheries Department Report for the years 1947-1950)

Selepas penaklukan, pemerintah Jepun tidak memberikan perhatian kepada sektor perikanan. Tiada terdapat sebarang rancangan untuk memulihkan semula industri tersebut. Perancangan pemerintah Jepun lebih

mementingkan soal pertahanan dan keselamatan. Dalam hal ini, sektor perikanan menerima kesan negatif kerana usaha perikanan telah dihadkan pada waktu siang hari sahaja. Pemerintah Jepun mengenakan perintah berkurung kepada penduduk Borneo Utara selama dua belas jam dari pukul 6.00 petang hingga pukul 6.00 pagi, bertujuan menghalang sebarang bentuk serangan ke atas kepentingan mereka. Dengan adanya perintah ini menyebabkan teknologi menangkap ikan yang beroperasi di waktu subuh dan malam tidak dapat dijalankan.³

Perusahaan perikanan semasa pemerintahan Jepun amat berbeza dengan waktu-waktu sebelumnya. Sumber perikanan yang menjadi salah satu komoditi eksport semasa pentadbiran BNCC, dan menjadi komoditi eksport terpenting semasa pemerintahan Kesultanan Sulu tidak wujud sama sekali semasa pemerintahan Jepun. Aktiviti perikanan semasa pemerintahan Jepun hanya di peringkat pengeluaran makanan untuk menyara keluarga. Pengeluaran untuk lebih jika pun ada hanya untuk memenuhi keperluan tentera, pasukan keselamatan dan pegawai pentadbiran Jepun sahaja. Di kalangan penduduk tempatan, sekiranya berlaku lebih tangkapan ia tidak memasuki pasaran terbuka, tetapi ditukarkan dengan hasil pertanian keluaran penduduk setempat.

Keadaan di atas wujud disebabkan ketiadaan golongan pemodal-pemodal Cina yang sebelum ini menyedia dan menguruskan perkhidmatan perikanan seperti kemudahan kredit, bekalan garam, bahan binaan peralatan menangkap ikan dan perahu, pengangkutan dan pemasaran hasil perikanan. Pemodal-pemodal Cina terpaksa meninggalkan perusahaan mereka kerana khuatir dipaksa melibatkan diri dalam kerahan tenaga dan juga takut akan kezaliman tentera Jepun. Selain daripada itu seperti yang telah dijelaskan di atas, perdagangan antarabangsa tidak dapat dijalankan kerana banyak kargo-kargo yang menjadi mangsa pengeboman.

Di masa pemerintahan Jepun ini, kehidupan nelayan begitu terhimpit. Bagi yang memiliki perahu dan peralatan perikanan kebanyakan perahu dan peralatan mereka telah musnah akibat terkena serangan. Perahu dan peralatan yang terselamat tidak banyak jumlahnya dan jumlah tersebut semakin hari semakin sedikit. Ini disebabkan bahan tersebut setelah digunakan sekian lama akan mengalami kerosakan dan bahan binaan yang baru tidak diperolehi sama sekali semasa pemerintahan Jepun.

Nelayan-nelayan yang bekerja dengan tauke-tauke ikan hilang mata pencarian kerana tauke-tauke tersebut menghentikan perusahaan mereka. Dalam pada itu sebilangan daripada nelayan, khususnya nelayan-nelayan Cina melarikan diri bersama tauke-tauke mereka ke hutan di kawasan tanah tinggi. Mereka menyertai kumpulan penentang Jepun di bawah pimpinan Albert

Kwok Fen Nam (Hall, 1949). Untuk meneruskan hidup mereka terpaksa menjalankan kegiatan pertanian sara diri. Bagi nelayan-nelayan peribumi sebilangan daripada mereka melarikan diri ke pulau-pulau di selatan Kepulauan Filipina dan menyertai gerakan anti - Jepun yang ditaja oleh Amerika. Amerika membiayai kumpulan gerila menubuhkan kumpulan-kumpulan penentang Jepun di selatan Kepulauan Filipina dan kemudian meluaskan pengaruh mereka ke pantai barat Borneo Utara. Imam Sulu Marajukim dan Musah dilantik mengepalai gerakan tersebut (Tregonning, 1965).

Bagaimana pun sebahagian besar daripada nelayan peribumi dan sebahagian daripada buruh-buruh perikanan terpaksa meneruskan hidup sebagai nelayan sara diri. Dengan menggunakan teknologi paling mudah mereka mengeksploitasi sumber perikanan di tepi pantai dan di perairan cetek untuk memenuhi keperluan makanan mereka. Sumber perikanan pada masa ini tidak didaratkan untuk keperluan pasaran baik tempatan mahupun antarabangsa. Dengan termusnahnya rangkaian pemasaran yang sebelum ini dikuasai oleh pemodal-pemodal Cina, menyebabkan kegiatan perikanan secara sara diri tertumpu di kawasan pinggir pantai untuk keperluan penduduk setempat.

Teknologi Menangkap Ikan

Semasa pemerintahan Jepun telah berlaku beberapa perubahan dalam teknologi menangkap ikan. Perubahan-perubahan yang berlaku bukan disebabkan oleh faktor pasaran tetapi lebih disebabkan oleh kesulitan dalam mendapatkan bahan-bahan binaan peralatan yang diimport dari luar. Selain daripada itu bagi peralatan yang melibatkan ramai pekerja yang dahulunya dikuasai oleh golongan pemodal seperti kelong, ambai, belat dan perkakas menangkap ikan yang baru iaitu *Muro Ami*, semuanya dikendalikan oleh buruh paksa melalui kerahan tenaga (Mohammad Raduan Mohd Ariff, 1993).

Dengan termusnahnya peralatan sedia ada akibat perang, dan tiadanya kemungkinan untuk mendapatkan bahan binaan yang baru, maka teknologi perikanan secara umumnya kembali semula kepada keadaan seperti sebelum pentadbiran BNCC. Usaha-usaha mengeksploitasi sumber perikanan terhad kepada kaedah pengutipan dengan tangan, penggunaan lembing, serampang, bubu, pancing, rambat dan selembau. Kesemua peralatan tersebut dapat dihasilkan dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh didapati dari kawasan sekitar kampung atau dari hutan berhampiran kampung.

Umpamanya, bagi menghasilkan benang untuk menyirat rambat atau selembau, pintalan pucuk rumbia digunakan.⁴

Walau bagaimanapun, terdapat juga penggunaan teknologi yang tidak pernah digunakan sebelum ini di perairan Borneo Utara, seperti *sadak* dan *gurit dallus* (Jabatan Perikanan Sabah). Kedua peralatan ini dapat dihasilkan kerana bahan yang digunakan untuk membuatnya masih boleh diperolehi, malah pun bahan tersebut pada asalnya digunakan untuk tujuan lain. Umpamanya, komponen utama untuk membuat *sadak* ialah kelambu yang sudah tidak digunakan lagi sementara *gurit dallus* pula menggunakan kepingan besi terpakai.⁵ Peralatan *sadak* digambarkan seperti berikut:

Sadak tangan merupakan sejenis pukot yang dikerjakan oleh seorang nelayan yang akan masuk ke dalam air untuk menolak pukot tersebut. Pukot ini dikenali juga sebagai sirin atau sungkur. *Sadak* diperbuat daripada kelambu (berfungsi sebagai pukot) yang berbentuk segi tiga dua sama yang kendur seperti satu keroncong dan dua batang kayu. Dua sempadan kelambu sama panjangnya, diikatkan kepada dua batang kayu yang bersilang pada bahagian atas. Di bahagian bawah tiap-tiap kayu ini terdapat alat *sadak* yang berbentuk seperti penghujung kayu hoki yang bengkok, untuk membolehkan pukot ini ditolak dengan licin di permukaan dasar laut.

Dalam operasi *sadak*, nelayan akan masuk ke dalam air dan mengesan tempat-tempat yang terdapat udang baring. Kemudian pukot dimasukkan ke dalam air supaya alat *sadak* berada di atas dasar laut dan tempat kayu bersilang pada dada nelayan tersebut. Pukot kemudiannya ditolak atau di surung ke hadapan. Selepas di *sadak* pukot dinaikkan ke permukaan air dan udang-udang dikeluarkan. Operasi yang demikian diulang beberapa kali.

Oleh sebab pukot ini dikerjakan oleh seorang nelayan yang dikehendaki masuk ke dalam air, maka tempat-tempat untuk mengerjakan pukot ini adalah terhad di perairan tepi pantai yang cetek. Operasi *sadak* boleh dikerjakan sepanjang tahun asalkan terdapat udang baring.

(Mohammad Raduan Mohd Ariff, 1993)

Sementara itu *gurit dallus* digambarkan seperti berikut:

Gurit dallus diusahakan untuk memungut siput di gigi pantai ketika air surut. Peralatan ini merupakan peralatan yang mudah, digunakan untuk menggembur pasir-pasir di pantai. Alat ini dibentuk

daripada sekeping besi melengkung yang dipasangkan pada sebatang beluti melintang. Sebatang kayu sepanjang dua meter dipasangkan kepada beluti lintang tersebut. Nelayan akan menekan alat ini dengan kaki sehingga kepingan besi tenggelam dalam pasir dan mengheretnya ke belakang dengan cara berjalan mengundur. Untuk memudahkan kerja-kerja mengheret, seutas tali yang mengelilingi punggung nelayan diikatkan pada pemegang alat tersebut. Dengan melakukan penggemburan pasir, siput-siput dapat dikeluarkan. Dalam hal ini nelayan-nelayan tidak perlu turun ke laut dan hasil tangkapan hanya memadai menyara keluarga mereka sahaja. Selain daripada itu nelayan tidak menumpukan sepenuh masa mereka untuk aktiviti ini kerana usaha memungut siput hanya dilakukan pada waktu air surut sahaja. Walaupun dalam sehari semalam terdapat dua kali air surut, namun begitu nelayan hanya mengusahakan pemungutan siput pada waktu siang hari sahaja.

(Mohammad Raduan Mohd Ariff, 1993).

Selain daripada *sadak* dan *gurit dallus*, bagi mendapatkan sumber perikanan nelayan tempatan telah mengaplikasikan teknologi yang digunakan selama ini di sungai ke laut, seperti kaedah menuba ikan yang dikenali oleh penduduk tempatan sebagai *melantang* Andres von Brandt (von Brandt, 1972). Menangkap ikan dengan kaedah *melantang* mempunyai prinsip yang sama dengan kaedah menuba iaitu “memabukkan” ikan. Perkara yang membezakannya hanyalah dari segi bahan yang digunakan, iaitu menggunakan sejenis buah beracun yang dipanggil *buah lantang* yang tumbuh liar dalam hutan. Operasi penangkapan ikan menggunakan buah lantang dimulakan dengan mengesan kumpulan anak-anak ikan yang berada di permukaan air laut untuk dijadikan umpan kepada ikan-ikan yang lebih besar. Setelah kumpulan anak-anak ikan berjaya dikesan, nelayan akan menaburkan serbuk *buah lantang* yang telah ditumbuk ke laut dan membiarkannya dimakan oleh ikan sehingga mabuk. Anak-anak ikan yang berada dalam keadaan mabuk akibat keracunan akan dimakan oleh ikan-ikan yang lebih besar yang bergerak di permukaan dan pertengahan air laut seperti ikan yu, ikan putih, ikan *lingku*, ikan alu-alu dan ikan belanak. Ini akan menyebabkan ikan-ikan pemangsa tersebut mabuk akibat keracunan yang dibawa oleh anak-anak ikan tersebut. Ikan-ikan yang berada dalam keadaan mabuk akan disauk naik ke dalam perahu. Operasi mendaratkan ikan dengan menggunakan *buah lantang* juga dijalankan pada waktu malam menggunakan kaedah yang sama dengan bantuan cahaya obor (Ismail Ali, 2007). Oleh sebab ketiadaan bahan untuk

membina peralatan, dalam keadaan serba kekurangan ini apa sahaja yang bersesuaian, dapat digunakan untuk mengeksploitasi sumber perikanan.

Untuk mendapatkan sumber ikan bagi keperluan tentera dan pegawai pentadbiran, pihak pemerintah Jepun telah menerapkan teknologi perikanan baru, dengan mengarahkan penggunaan kaedah *Muro Ami*. *Muro Ami* ini diusahakan oleh buruh kerahan yang terdiri daripada penyelam-penyelam Famosa di bawah penyeliaan juragan Jepun. Selain daripada itu buruh-buruh kerahan tempatan telah digunakan untuk membina dan mengusahakan peralatan kelong, ambai dan belat. Kesemua peralatan yang dinyatakan itu dapat menghasilkan jumlah pendaratan yang banyak mengikut ukuran masa itu. Buruh-buruh kerahan yang terlibat pada masa ini, dibayar ganjaran sama ada dalam bentuk wang atau pun bentuk kupon makanan atau pun kedua-duanya sekali (Tubb, 1953).

Muro Ami (Ismail Ali, 1999) merupakan satu-satunya kaedah menangkap ikan berasaskan pukat yang dibawa masuk dari Jepun. Teknologi ini terdiri daripada enam komponen utama iaitu sayap, badan pukat, tali utama, batu pemberat, sauh dan pelampung. Operasi menangkap ikan menggunakan kaedah ini dijalankan di kawasan perairan pada kedalaman antara 10 hingga 15 kaki menggunakan bot. Beberapa orang penyelam yang membawa keroncong pukat akan turun ke dasar laut dan menyambungkannya dengan bahagian belakang sayap pukat tersebut. Sebelum operasi menaikkan keroncong pukat dilakukan, beberapa orang penyelam akan turun ke dasar laut untuk menghalau ikan-ikan yang berada di tengah-tengah sayap pukat untuk masuk ke dalam keroncong pukat. Seorang lagi penyelam akan memberi isyarat kepada nelayan yang berada di atas bot untuk menarik tali pengunci sekali gus menutup pintu masuk keroncong pukat. Ini menyebabkan ikan-ikan yang berada dalam lingkungan pukat *Muro Ami* akan terperangkap. Setelah itu, penyelam-penyelam akan membuka terlebih dahulu ikatan yang menyambungkan antara keroncong dengan sayap pukat. Apabila sampai ke daratan, semua hasil tangkapan akan diserahkan kepada pentadbiran Jepun.

Aktiviti penangkapan ikan di Borneo Utara semasa pentadbiran Jepun juga memperlihatkan penggunaan bom tangan (Ismail Ali, 1999) yang digunakan oleh tentera Jepun semasa menyerang dan menawan Borneo Utara. Penggunaan bom tangan untuk menangkap ikan ini merupakan satu-satunya langkah penyelesaian terbaik bagi pentadbiran Jepun untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan ikan dalam situasi peperangan dan dilakukan sendiri oleh tentera Jepun untuk mengelakkan bom tangan tersebut disalahgunakan oleh tawanan perang. Aktiviti mengebom ikan oleh tentera Jepun dimulakan dengan melontarkan bom tangan di kawasan perairan batu karang yang menjadi tempat tumpuan dan pembiakan ikan. Ini menyebabkan

ikan-ikan yang berada di kawasan letupan akan mati serta-merta akibat tekanan kuat di dalam air yang dihasilkan oleh bom tangan tersebut. Aktiviti pemungutan ikan yang telah mati dan tenggelam di dasar laut akan dilakukan oleh buruh-buruh paksa melalui kaedah penyelaman (Ismail Ali, 2007).

Kesimpulan

Perang Dunia Kedua telah melumpuhkan ekonomi dunia dan mengganggu perkembangan ekonomi kapitalis buat seketika. Di rantau Asia Tenggara amnya dan Pulau Borneo khususnya, kuasa Asia iaitu Jepun melalui peperangan telah mengambil alih kuasa penjajah Eropah sebelum ini. Ini bermakna Borneo Utara sekali lagi mengalami perubahan sistem pemerintahan dari pemerintahan bercorak piagam kepada pemerintahan bercorak ketenteraan. Corak pemerintahan Jepun yang singkat itu (1942-1945) lebih mementingkan soal keselamatan dari perkembangan ekonomi. Ekonomi kapitalis yang telah diasaskan oleh BNBC terhapus sama sekali dan diganti dengan satu sistem ekonomi yang dirancang, dipaksa dan di kawal oleh pemerintah pusat. Dengan itu bermulanya satu pengalaman baru yang penuh dengan kisah-kisah kepahitan, penderitaan dan kesengsaraan.

Penyerangan Jepun ke atas Borneo Utara pada tahun 1942 dan penawanan semula Borneo Utara oleh Tentera Bersekutu pada tahun 1945, telah memusnahkan asas dan sumber ekonomi Borneo Utara khususnya sektor perikanan. Semasa pemerintahan Jepun, keadaan bertambah buruk kerana perdagangan antarabangsa langsung tidak dapat diwujudkan. Ini disebabkan kapal-kapal terbang perang Amerika sentiasa mengawasi dan mengebom kargo-kargo Jepun. Wujudnya keadaan ini menyebabkan Borneo Utara menjadi wilayah terpencil dan tidak mempunyai hubungan dengan dunia luar. Dengan berlakunya keadaan demikian, aktiviti ekonomi hanya bertujuan untuk memenuhi keperluan penduduk tempatan dan golongan pemerintah yang terasing. Secara bandingan keadaan ini lebih buruk lagi daripada zaman pemerintahan Kesultanan Sulu di Borneo Utara.

Sistem ekonomi paksaan yang dikuatkuasakan oleh tentera Jepun bertentangan dengan tujuan dan cara hidup golongan pemodal. Oleh sebab takutkan kerahan tenaga dan kezaliman tentera Jepun golongan pemodal telah melarikan diri ke hutan tanah tinggi dan menyertai kumpulan gerakan anti Jepun. Di sini memperlihatkan hubungan di antara pemerintah dan golongan pemodal tidak sehaluan malahan bertentangan. Keadaan ini amat berbeza dengan pemerintahan berpiagam oleh BNBC di mana golongan pemerintah

sentiasa memberi ruang dan galakan kepada golongan pemodal dalam membangun dan mengembangkan ekonomi.

Ketiadaan golongan pemodal memberikan kesan negatif kepada perkembangan ekonomi Borneo Utara. Dalam sektor perikanan, tiadanya golongan pemodal bermakna nelayan hilang punca kredit dan tempat memasarkan hasil tangkapan. Keadaan yang serba kekurangan akibat dari corak pemerintahan yang baru ini menyebabkan kegiatan perikanan di Borneo Utara diusahakan secara sara diri sahaja. Teknologi menangkap ikan dibina mengikut kesesuaian dengan ketiadaan bahan binaan, dan kembali semula seperti keadaan zaman pemerintahan Kesultanan Sulu yang berasaskan kepada bahan tempatan dan tenaga manusia. Oleh sebab tahap teknologi rendah, maka lebihan yang dihasilkan amat terbatas. Lebihan yang dihasilkan oleh nelayan tempatan tidak dipasarkan tetapi dijadikan barang tukaran bagi memenuhi keperluan harian mereka. Di pihak pemerintah pula, untuk mendapatkan lebihan sistem kerahan tenaga dilaksanakan. Lebihan diperlukan bukan untuk pasaran tetapi bagi menampung keperluan tenaga pemerintah.

Bagaimanapun corak pemerintahan ketenteraan tersebut tidak berjalan lama. Selepas Tentera Bersekutu berjaya menawan semula Borneo Utara pada tahun 1945, pemerintahan di atas secara berperingkat telah digantikan dengan pemerintahan bercorak koloni oleh kerajaan Inggeris. Di sini sekali lagi Borneo Utara mengalami perubahan corak pemerintahan. Sebaik sahaja Borneo Utara ditadbir semula oleh kerajaan Inggeris, ekonomi kapitalis yang termusnah dihidupkan semula termasuk sektor perikanan. Perkembangan perusahaan perikanan selepas Perang Dunia Kedua, lebih ditentukan oleh gandingan peranan yang dimainkan oleh pemerintah Inggeris dan golongan pemodal Cina.

Nota Hujung

¹Poland jatuh ke tangan Jerman, diikuti pula oleh Norway, Denmark, Belanda dan seterusnya Perancis. Kejayaan pihak Jerman ini telah mengubah pendirian Jepun daripada bersikap berkecuali sebelum ini kepada penglibatan dalam peperangan.

²Pada 7 Disember 1941 Jepun telah menyerang Pearl Harbour di Honolulu. Pada hari yang sama menyerang Kelantan dan telah menenggelamkan dua buah kapal perang British, "Prince of Wales" dan "Repulse". Pada 8hb. Disember Jepun telah mendarat di Thailand. Beberapa minggu kemudian, Jepun telah menyerang Borneo Utara. Penjelasan lanjut sila lihat Ellison (tiada

tarikh dan tidak diterbitkan). Bagaimanapun menurut Muzium Kelantan, Kelantan telah diserang sehari terdahulu dari Pearl Harbour.

³Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari temu bual dengan Datuk Chin Phui Kong, bekas Pengarah, Jabatan Perikanan Negeri Sabah, pada 16 September 1989, di Kota Kinabalu.

⁴Maklumat mengenai penggunaan pucuk rumbia digunakan sebagai bahan untuk membuat benang diperolehi daripada temu bual dengan Haji Aris bin Saat, di Semporna pada 22 September 1989.

⁵Hasil temu bual dengan Sarma Haji Aralas, Research Officer, Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN), pada 25 Oktober 1991.

References

- Baker, M. H. (1962). *North Borneo: The first Ten Years 1946-1956*. Singapore: Malaya Publishing House.
- Chay, P. (1988). *Sabah: The Land Below The Wind*. Kuala Lumpur: Foto Teknik Sdn. Bhd.
- Ellison. E. W. (tiada tarikh). *Reconstruction and Development Pelan For North Borneo 1948-55*. Jesselton (tidak diterbitkan).
- Fisher, C. A. (1967). *South-East Asia: A Social, Economic and Political Geography*. London: Methuen & Co. Ltd.
- Hall, D. G. E. (1955). *A History of South-east Asia*. London: Mc Millian Press.
- Handbook of British North Borneo*. (1890). London: William Clower & Sons Ltd.
- Irwin, G. (1955). *Nineteenth Century Borneo: A Study in Diplomatic Rivalry*. Singapore: Donald Moore Books.
- Ismail Ali. (1999). *Perkembangan dan Perubahan Teknologi Menangkap Ikan di Residensi Sandakan*. Disertasi Sarjana. Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ismail Ali. (2007). *Pembangunan Industri Hiliran Berasaskan Perikanan Di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS, Sabah.
- Keith, A. (1939). *Land Below The Wind*. London: Michael Joseph Ltd.
- Kementerian Pertanian Malaysia. (1985). *Peralatan Menangkap Ikan Di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian Malaysia.
- Kerajaan Negeri Sabah. (1974). *Sabah's 10th Anniversary of Independence Within Malaysia*. Kota Kinabalu: Kerajaan Negeri Sabah.
- Khoo, K. K. (1981). *Sabah: History and Society*. Kuala Lumpur: Malaysian

Historical Society.

- Kitingan, J. G. (1987). *The 20 Points: Basic for Federal-State Relations for Sabah*. Kota Kinabalu: Yayasan Sabah.
- Lee, Y. L. (1982) *Sabah: Satu Kajian Geografi Petempatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leifer, M. (1968). *The Philippines Claim to Sabah*. Centre for Southeast Asian Studies. Hull: University of Hull.
- Leong, C. (1982). *Sabah: The First 100 Years*. Kuala Lumpur: Percetakan Nan Yang Muda Sdn. Bhd.
- _____. (tiada tarikh). *A colony of North Borneo Fisheries Department Report for the years 1947-1950* (tidak diterbitkan).
- _____. (tiada tarikh). *Compendium of Fishing Gears and Method*. Jabatan Perikanan Sabah (tidak diterbitkan).
- Hall, M. (1949). *Kinabalu Guerrillas*. Kuching: Chung Nam Printing Co.
- Mohammad Raduan bin Mohd Ariff. (2006). *Perusahaan Perikanan Di Sabah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohammad Raduan Mohd Ariff. (1993). *Dari Pemungutan `Tripang ke Penundaan Undang: Satu Kajian Mengenai Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan Di Borneo Utara 1750-1990*. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohammad Raduan Mohd Ariff. (1993). *Teknologi Penangkapan Ikan di Sabah*. *Khazanah Siri Dokumentasi Akademi Pengajian Melayu*, 3.
- Mohd Ariff Othman. (1988). *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah: Implikasi Dari Segi Sejarah, Undang-undang dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pg Khairul Rijal Pg Hj Abdul Rahim. (2007). *Teknologi Menangkap Ikan di Negara Brunei Darussalam 1906-2003*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Quazi Abdul Manan. (1982). *Sabah Fishermen and Their Economy: A Socio-economy Study*. Kota Kinabalu: Emas Associates Sdn. Bhd.
- Sadka, E. (1963). *Malaysia, the Political Background*. Singapore: Eastern University Press.
- Saleeby, N. M. (1963). *The History of Sulu*. Manila: Filipiniana Book Guild.
- Simpson, A. C., & Chin, P. K. (1978). *The Prawn Fisheries of Sabah Malaysia*. Kuala Lumpur: Ministry of Agriculture Malaysia.
- Smith, T. E. (1963). *The Background to Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sopher, D. E. (1965). *The Sea Nomads: A Study of the Maritime Boat People of Southeast Asia*. Singapore: National Museum Singapore.
- Tate, D. J. M. (1980). *Sejarah Pembentukan Asia Tenggara: Perubahan Ekonomi dan*

Sosial. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar bakti Sdn. Bhd.

- Tregonning, K. G. (1965). *A History of Modern Sabah*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Tregonning, K. G. (1958). *Under Chartered Company Rule, North Borneo 1881-1946*. Singapore: University of Malaya Press.
- Tubb, J. A. (1952). "Colony of North Borneo Fisheries Report for the years 1947-1950". Sandakan (tidak diterbitkan).
- von Brandt, A. (1972). *Fishing Catching Methods of The World*. London: Fishing News (Books) Ltd.
- War with Japan 1941-1943, *Sabah Secretariat File*, No.1184, Arkib Negeri Sabah, Kota Kinabalu.
- Warren, J. F. (1981). *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*. Singapore: Singapore University Press.
- Wolters, O. W. (1982). *History, Culture and Religion in Southeast Asian Perspectives*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.